Tinjauan Makroekonomi

Pertumbuhan global akan berterusan dalam keadaan permintaan yang berdaya tahan

Pemulihan perdagangan global juga dijangka berterusan pada separuh kedua tahun 2024

Ekonomi global dijangka kekal mampan pada separuh kedua tahun ini. Hal ini disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif dan inflasi yang menurun. Pelonggaran dasar monetari oleh ekonomi-ekonomi maju akan memberikan sokongan lanjut pada pertumbuhan dalam jangka pendek hingga sederhana. Pertumbuhan di China dijangka meningkat meskipun pada kadar yang lebih perlahan, kerana sokongan fiskal akan diimbangi oleh pasaran harta tanah dan sentimen pengguna yang lemah. Pertumbuhan perdagangan global dijangka terus pulih, apabila momentum peningkatan kitaran teknologi global berterusan.

Prospek pertumbuhan kekal tertakluk pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan terutamanya daripada ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, inflasi yang lebih tinggi daripada jangkaan dan keadaan pasaran kewangan yang menjadi ketat secara mendadak. Namun demikian, pertumbuhan global mungkin menjadi lebih tinggi boleh berpunca daripada permintaan dalam negeri yang lebih kukuh daripada jangkaan, terutamanya dalam ekonomi-ekonomi maju.

Ekonomi Malaysia akan terus berkembang

Permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan peningkatan permintaan luaran akan menyokong pertumbuhan

Pertumbuhan ekonomi Malaysia pada separuh kedua tahun 2024 dijangka didorong terutamanya oleh pengembangan kukuh dalam aktiviti pelaburan dan perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan, dengan sokongan yang lebih besar daripada pemulihan eksport. Aktiviti pelaburan akan disokong oleh projek berbilang tahun yang terus dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam serta dimantapkan dengan pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah pelan-pelan induk nasional dan lebih banyak pelaburan yang diluluskan kini direalisasikan. Penggunaan swasta akan disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang mampan bersama-sama dengan langkah-langkah dasar yang lebih besar. Limpahan yang lebih tinggi daripada peningkatan kitaran teknologi global akan menyokong eksport manakala ketibaan dan perbelanjaan pelancong dijangka terus bertambah baik.

Prospek pertumbuhan menghadapi risiko pertumbuhan menjadi perlahan berikutan permintaan luaran yang lebih lemah daripada jangkaan, konflik geopolitik yang semakin meruncing dan pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan. Namun begitu, limpahan yang lebih besar daripada peningkatan kitaran teknologi, aktiviti pelancongan yang lebih memberangsangkan serta pelaksanaan projek pelaburan baharu dan sedia ada yang lebih pantas menghasilkan prospek yang positif terhadap ekonomi Malaysia.

Inflasi akan lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2024

Inflasi akan meningkat berikutan pelaksanaan rasionalisasi subsidi diesel, walaupun keadaan ini sebahagiannya dibendung oleh langkah-langkah untuk mengurangkan kenaikan kos pengeluaran

Selepas berada pada trend di bawah paras purata jangka panjang untuk separuh pertama tahun, inflasi dijangka lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2024 berikutan pelaksanaan rasionalisasi subsidi diesel baru-baru ini. Khususnya, tekanan inflasi sebahagian besarnya berpunca daripada pindahan kos operasi yang lebih tinggi oleh syarikat, walaupun keadaan ini masih terurus memandangkan adanya langkah-langkah untuk meminimumkan tahap kenaikan kos. Pada masa hadapan, risiko prospek kenaikan inflasi bergantung pada sejauh mana kesan limpahan langkah dasar dalam negeri yang selanjutnya berhubung dengan subsidi dan kawalan harga kepada trend harga yang lebih luas, serta harga komoditi global dan perkembangan pasaran kewangan. Pada tahun 2024 secara keseluruhan, inflasi keseluruhan dan inflasi teras diunjurkan kekal dalam julat yang diunjurkan sebelum ini, iaitu masing-masing antara 2.0% hingga 3.5% dan antara 2.0% hingga 3.0%.